

Propaganda ketakutan sentimen 3R tutup minda masyarakat

- Sekiranya isu 3R tidak dikawal, keadaan dalam insiden Charlie Hebdo boleh berlaku di Malaysia akan menggugat kestabilan politik, mengancam kemakmuran negara serta mengorbankan nyawa

- Cadangan MoU antara kerajaan dan pembangkang baik bagi mewujudkan kestabilan politik supaya tumpuan boleh diberi bagi membangunkan negara dan menyelesaikan permasalahan ekonomi yang wujud



Oleh Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani
bhrencana@bh.com.my

Mungkin kita masih ingat pada 7 Januari 2015, dunia dikejutkan dengan serangan bersenjata ke atas pejabat majalah *Charlie Hebdo* berpusat di Paris, Perancis yang menyebabkan 12 terbunuh, termasuk penyunting dan kartunis majalah terabit.

Antara yang terbunuh ialah seorang daripada pengasas dan editor majalah itu, iaitu Jean 'Cabu' Cabut dan kartunis Stephanie 'Charb' Charbonnier. Polis berjaya menjejaki pihak bertanggungjawab terhadap insiden ini, iaitu adik-beradik Cherif Kouachi dan Said Kouachi.

Majalah *Charlie Hebdo* sebenarnya bukan sahaja kerap menghina Islam, malah agama lain termasuk Katolik dan Pope tanpa mengira sensitiviti agama terbabit. Majalah ditubuhkan pada 1970 itu menerbitkan banyak karikatur menghina Islam.

Pada Februari 2006, mereka pernah menerbitkan semula 12 karikatur dirujuk sebagai Nabi Muhammad SAW yang sebelum itu diterbitkan akhbar *Jyllands-Posten* (*The Jutland Post*) berpusat di Denmark, menyebabkan bantahan besar-besaran masyarakat Perancis dan kumpulan Islam.

Bagi meningkatkan keluaran pada November 2011, majalah ini menerbitkan edisi khas bertajuk 'Charia Hebdo' menunjukkan kononnya wajah Nabi Muhammad sedang ketawa. Edisi itu terjual 400,000 naskhah, namun pejabat majalah ini dibakar dengan serangan *molotov cocktail*.

Majalah ini terus menerbitkan karikatur menghina Islam sejak 2012 hingga tragedi berlaku pada 2015. Mengapa menghina Islam menjadi nadi majalah ini?

Charlie Hebdo menghadapi masalah kewangan

apabila keluarannya jatuh kepada 30,000 naskhah setiap keluaran. Mereka harus mengeluarkan karikatur kontroversi dan sensasi bagi melariskan jualan majalah ini.

Jika motif majalah ini cuba melariskan jualan dengan cara menghina kaum imigran bukan kulit putih dan agama Islam, tidakkah realiti analogi ini turut merujuk kepada parti cuba meraih sokongan rakyat dengan cara memanipulasi dan memainkan isu Raja, kaum dan agama (3R) ini?

Guna 3R takutkan pengundi

Pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), Pilihan Raya Negeri (PRN) di enam negeri dan Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Pulau serta Dewan Undangan Negeri (DUN) Simpang Jeram jelas sekali isu 3R terus dimanipulasi untuk menakut-nakutkan pengundi Melayu dan bukan Melayu.

Sedarkah mereka jika isu 3R tiada kawalan, keadaan dalam insiden *Charlie Hebdo* boleh berlaku di Malaysia yang akan menggugat kestabilan politik, mengancam kemakmuran negara serta mengorbankan nyawa.

Insiden berdarah pernah berlaku di Malaysia ketika rusuhan kaum 13 Mei 1969, insiden al-Maunah di Sauk, Perak pada 2000 dan keganasan kumpulan Daesh pada 2015-2016.

Maka, tindakan tegas diambil Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah cara terbaik bagi menangani isu ini supaya tindakan undang-undang boleh dikenakan kepada sesiapa sahaja menyalahgunakan isu 3R ini.

Ini kerana parti politik mempunyai ramai penyokong. Dibimbangi ada tangan ghaib cuba mengganggu gugat ketenteraman awam. Justeru, sebelum kekecohan berlaku, tindakan tegas perlu diambil bagi menangani isu ini.

Ada juga yang salah anggap Kerajaan Perpaduan cuba menyekat kebebasan bersuara rakyat daripada membicarakan isu 3R ini.

Isu 3R secara umumnya dibenar untuk dibica-



rakan secara positif seperti parti politik membicarakan isu meningkatkan taraf hidup orang Melayu, meningkatkan syiar Islam di Malaysia dan membincangkan kuasa Raja Melayu melantik Perdana Menteri dan Menteri Besar.

Masalah timbul apabila 3R dimanipulasi bagi menghentam sesuatu pihak, termasuk institusi di-Raja seperti mengkafirkan sesama Islam, menjatuhkan hukum haram dan masuk neraka bagi menyokong parti lawan, Melayu terancam dan melakukan hujah mengganggu gugat institusi diraja.

Cadangan untuk menjalin memorandum persefahaman (MoU) antara kerajaan dan pembangkang adalah baik bagi mewujudkan kestabilan politik supaya tumpuan boleh diberikan bagi membangunkan negara serta menyelesaikan permasalahan ekonomi yang wujud.

Dikatakan Kerajaan Perpaduan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim bersedia berunding dengan pembangkang Perikatan Nasional (PN) untuk menstabilkan suasana politik negara.

Cuma pihak PN dilihat agak keberatan untuk bekerjasama, mungkin atas faktor mereka percaya 'tebuk atap' berlaku ketika Langkah Sheraton masih boleh berlaku masa ini, walaupun hakikatnya agak mustahil untuk berlaku kerana adanya Akta Anti Lompat Parti.

Setiap pemimpin perlu berhenti politiking, berikan tumpuan menyelesaikan isu rakyat. PN seharusnya menjadi pembangkang bertanggungjawab untuk semak dan imbang Kerajaan Perpaduan, selain terus mentadbir secara baik di negeri mereka kuasai seperti Perlis, Kelantan, Kedah dan Terengganu.

Akhir sekali, rakyat diseru berfikir secara rasional ketika membuat keputusan. Orang Melayu sama ada golongan berpendidikan tinggi mahupun kurang berpendidikan jelas terlalu percaya kepada propaganda 'Melayu terancam', meskipun mereka masih dilihat berbelanja mewah dengan gaya hidup.

Sebenarnya mereka lebih membicarakan ancaman kepada cara hidup mereka berbanding kos hidup mereka hadapi. Sebenarnya Melayu tidak terancam, malah hak mereka dilindungi sepenuhnya Perlembagaan dan kerajaan Persekutuan.

Propaganda ketakutan dimainkan semata-mata untuk mengalihkan pandangan mereka daripada melihat kebenaran dan perkara sepatutnya seperti memilih kerajaan mampu mentadbir dengan baik berbanding sentimen 3R menguasai dan menutup minda mereka.

Kesimpulannya, kita harus menolak manipulasi terhadap isu 3R. Demi perpaduan negara, hentikan memperkudakan agama dan kaum selain menghina institusi diraja untuk tujuan politik sempit.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH